



# UPNM

National Defence University of Malaysia  
Kewajipan • Maruah • Integriti

## Bahagian Pengurusan Akademik

Academic Management Division

Aras 1, Bangunan Bestari  
Kem Perdana Sungai Besi  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia



+603 - 9051 3400  
(Samb. : 3454/3584/4601/3437)



+603 - 9051 2567



bpa@upnm.edu.my



www.upnm.edu.my



Ruj. Kami: UPNM (BPA) 02.03/01 Jld.17 (17)

Tarikh : 22 Ogos 2022

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran berikut:-

NO RUJ. & TAJUK SEBUTHARGA	KELAYAKAN / TARAF / JENIS TENDER
UPNM (BPA) 02.03/01 Jld. 17 (17) – PERKHIDMATAN CUCIAN (MENGUNAKAN MESIN DRY CLEANING) TERMASUK MENGAMBIL, MENGHANTAR, MENGGOSOK DAN MEMBUNGKUS JUBAH PRO CANSOLOR/ PENGURUSAN TERTINGGI/ AHLI SENAT/ TETAMU, JUBAH AHLI AKADEMIK, JUBAH MARSHALL, JUBAH GRADUAN, KALUNG (HOOD) DAN BEEFEATER/ MOTARBOARD BAGI ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA TAHUN 2022	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang  <b>222302</b>

Sebutharga yang telah lengkap diisi dengan dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, 23 Ogos 2022 (Selasa)** dalam sampul surat bertutup dengan menyatakan nombor sebutharga di penjurukan kiri sampul surat tersebut.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berkenaan sebutharga tersebut, sila hubungi Puan Rini Shazrina binti Zulkify di talian 03-90513473 atau Puan Suzannah binti Sengoot di talian 03-90513454.

Sekian, terima kasih.

“ KEWAJIPAN MARUAH, INTEGRITI ”

Saya yang menjalankan amanah,

**MOHD FADHZIL BIN ZAINOL**

Timbalan Pendaftar

Bahagian Pengurusan Akademik

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga : <b>UPNM (BPA) 02.03/01 Jld. 17 (17)</b>
<b>PERKHIDMATAN CUCIAN (MENGGUNAKAN MESIN DRY CLEANING) TERMASUK MENGAMBIL, MENGHANTAR, MENGGOSOK DAN MEMBUNGKUS JUBAH PRO CANSELOR/ PENGURUSAN TERTINGGI/ AHLI SENAT/ TETAMU, JUBAH AHLI AKADEMIK, JUBAH MARSHALL, JUBAH GRADUAN, KALUNG (HOOD) DAN BEEFEATER/ MOTARBOARD BAGI ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA TAHUN 2022</b>

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA  
SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/ PERKHIDMATAN**

<p>Kepada :</p> <p><b>Semua Pembekal Yang Berdaftar dengan Unversiti Pertahanan Nasional Malaysia Bertaraf Bumiputera, berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang berkaitan.</b></p> <p>No. Telefon : No. Faksmili :</p> <p>Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perolehan ini : 222302</p>	<p>Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh</p> <p><b>Bahagian Pengurusan Akademik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Kem Sungai Besi 57000 Kuala Lumpur</b></p> <p>No. Telefon : 03 – 90513400 samb 3473 / 3454</p> <p>e-mail : <a href="mailto:rini@upnm.edu.my">rini@upnm.edu.my</a> / <a href="mailto:suzanah@upnm.edu.my">suzanah@upnm.edu.my</a></p>
---	---

1. Sila beri sebutharga bagi perolehan berikut tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan ;-
  - 1.1 Sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, 23 Ogos 2022 (Selasa)** dalam sampul surat bertutup dengan menyatakan nombor sebutharga di penjuru kiri sampul surat tersebut. Sebutharga yang diterima selepas jam 12.00 tengah hari adalah tidak dipertimbangkan
  - 1.2 Tempoh sah perkhidmatan dari **September 2022 sehingga Disember 2022.**

- 1.3 Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), UPNM, tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau mana-mana sebutharga. Pihak BPA, UPNM berhak menerima sebutharga sepenuhnya atau sebahagian daripadanya ataupun menolak tanpa memberi sebarang alasan.
- 1.4 Penyebut Harga **TIDAK dibenarkan** membuat permohonan untuk kenaikan harga dalam tempoh perkhidmatan/pembekalan ini berjalan.
- 1.5 Pihak Universiti berhak untuk memesan kuantiti yang diperlukan dari semasa ke semasa, sepanjang tempoh sah harga iaitu hingga 31 Disember 2022.
- 1.6 Mana-mana perubahan atau pindaan ke atas spesifikasi yang telah dipersetujui atau dinyatakan hendaklah dibuat atas persetujuan bersama tanpa perubahan kenaikan harga. Perubahan-perubahan tersebut perlulah setara atau lebih baik daripada spesifikasi asal.
- 1.7 Penyebut Harga hendaklah memastikan semua jubah tersebut dibungkus mengikut keperluan bagi mengelak kehilangan, kerosakan, kerugian dan kemalangan yang mungkin berlaku semasa ianya dihantar ke tempat yang dikehendaki. Pihak UPNM tidak akan bertanggungjawab terhadap kos penghantaran jubah dan yang lain-lain dan kos itu hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga.
- 1.8 Kuantiti yang dinyatakan (Spesifikasi) adalah anggaran keperluan pihak UPNM. Pihak Universiti berhak untuk menambah atau mengurangkan kuantiti yang dinyatakan mengikut keperluan semasa universiti sepanjang tempoh kontrak berjalan.
- 1.9 Penyebut Harga perlu memastikan mutu perkhidmatan cucian kering yang diberikan hendaklah memuaskan seperti bersih, kering, digosok, berkeadaan baik (tidak rosak/kekal/tulen), dibungkus, tidak luntur/tidak berubah warna, tidak berbau busuk/hapak dan lain-lain keadaan yang menyebabkan jubah tidak dalam keadaan sebagaimana ianya diserahkan. Pihak UPNM berhak untuk memohon menukar jubah yang tidak tulen/rosak dalam tempoh 3 bulan dari tarikh bekalan dan kos penukaran akan ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
- 1.10 Anggaran Penghantaran bagi pencucian ialah tiga (3) bulan sebelum Majlis Konvokesyen UPNM atau pada bila-bila masa yang ditentukan sehingga 31 Disember 2022.
- 1.11 Sekiranya terdapat aduan pengguna mengenai mutu perkhidmatan cucian yang diberikan tidak mengikut spesifikasi yang ditentukan, pihak pembekal hendaklah melaksanakan semula pencucian atau menukarnya.

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1.	<b>JUBAH PHD/ SARJANA/ SARJANA MUDA</b>  <u>Material Kain</u> <i>Fabric : Soft Polyester From Taiwan</i> <i>Composition : 65% Polyester 35% Viscose</i>  <b>Jubah perlu diasing mengikut saiz dan digantung dengan pengantung (<i>hanger</i>) mengikut jenis jubah ke dalam plastik dan mengikat bilangan helai yang sesuai dalam satu bungkusan.</b>	helai	2000		
2.	<b>KALUNG (HOOD)</b>  <u>Material Kain</u> <i>Fabric (Outer) : Soft Polyester from Taiwan</i> <i>Fabric (Inner) : Satin Various Colours</i>  <b>Kalung (<i>Hood</i>) perlu diasingkan mengikut warna. Setiap helaian kalung (<i>hood</i>) perlu dimasukkan ke dalam plastik secara berasingan.</b>	helai	1500		
3.	<b>BEEFEATER DAN MORTAR BOARD</b>  <i>Fabric: Felt</i>  <b>Beefeater dan Mortar Board perlu dimasukkan ke dalam plastik secara berasingan.</b>				
4.	<b>JUBAH AHLI AKADEMIK</b>  <u>Material Kain</u> <i>Fabric : Soft Polyester From Taiwan</i> <i>Composition : 100 % Polyester</i> <i>Lining : Satin</i>  <b>Jubah perlu diasing mengikut saiz dan digantung dengan pengantung (<i>hanger</i>) mengikut jenis jubah ke dalam plastik dan mengikat bilangan helai yang sesuai dalam satu bungkusan.</b>	helai	195		
5.	<b>JUBAH PRO CANSELOR/ PENGURUSAN TERTINGGI/ AHLI SENAT</b>	helai	85		

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	<p><b>Material Kain</b>  <i>Fabric : Woven Cloth</i>  <i>Thread : 2 Polyester Strings</i>  <i>Composition : Polyester</i>  <i>Fabric Spec. :196-200 epi 76 dtex</i>  <i>twisted polyester warp, 204-210 110dtex</i>  <i>textured polyester silk weft,9</i>  <i>Finishing : Satin Finished</i>  <i>Quality :British Woven Cloth or equivalent</i>  <i>Logo : Saxe S 033</i>  <i>Lining : Superior Quality Habotai Silk</i></p> <p>Jubah perlu diasing mengikut saiz dan digantung dengan pengantung (<i>hanger</i>) mengikut jenis jubah ke dalam plastik dan mengikat bilangan helai yang sesuai dalam satu bungkusan.</p>				
6.	<p><b>JUBAH MARSHALL/ PEMBACA DOA/ COKMAR</b></p> <p><b>Material Kain</b>  <i>Fabric : Soft Polyester From Taiwan</i>  <i>Composition : 100 % Polyester</i></p> <p>Jubah perlu diasing mengikut saiz dan digantung dengan pengantung (<i>hanger</i>) mengikut jenis jubah ke dalam plastik dan mengikat bilangan helai yang sesuai dalam satu bungkusan.</p>	helai	35		
7.	<p><b>BLAZER UPNM</b></p> <p><i>Blazer</i> perlu diasing mengikut saiz dan digantung dengan pengantung (<i>hanger</i>) mengikut jenis jubah ke dalam plastik dan mengikat bilangan helai yang sesuai dalam satu bungkusan.</p>	helai	45		

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	Tarikh penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan  ..... *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan  *Sila sertakan katalog berwarna			<b>Jumlah</b>	
SST (sekiranya berkaitan)					
Jumlah selepas SST					

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah :

Saya/ Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

Cop Syarikat :

Tarikh : .....